



10 FEB, 2026

2,403 lepasan tahfiz Darul Quran lanjut pelajaran di IPT

Kosmo, Malaysia



2,403 lepasan tahfiz Darul Quran lanjut pelajaran di IPT

KUALA LUMPUR – Seramai 2,403 graduan Darul Quran melanjutkan pelajaran di pelbagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam pelbagai bidang melibatkan peringkat diploma serta ijazah sehingga tahun 2024.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Marhamah Rosli berkata, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merekodkan bilangan graduan tertinggi diikuti Universiti Tenaga Nasional (Uniten) serta beberapa IPT lain termasuk universiti teknikal, institusi pendidikan dan politeknik.

Menurut beliau, perkembangan itu menunjukkan bahawa lepasan tahfiz Darul Quran tidak terhad kepada bidang keagamaan, malah turut menyumbang dalam sektor profesional seperti kejuruteraan, pendidikan, pentadbiran dan bidang strategik negara yang lain.

“Pendekatan kolaboratif ini memanfaatkan kekuatan institusi sedia ada, menjimatkan kos, mengelakkan pertindihan fungsi serta memastikan kualiti akademik yang konsisten dan diiktiraf.

“Kerajaan melalui Jabatan Ke-

majuan Islam Malaysia (Jakim) akan terus menilai peluang kerjasama strategik baharu yang sesuai dan berimpak, tertakluk kepada keperluan, keupayaan institusi dan kepentingan pendidikan tahfiz negara,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Ahmad Fadhli Shaari (**PN-Pasir Mas**) adakah kerajaan berhasrat untuk menaik taraf Darul Quran Kuala Kubu Bharu menjadi universiti yang menawarkan program pengajian Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.

Terdahulu, Marhamah berkata, Darul Quran akan kekal berada di bawah kawal selia Jakim bagi memastikan ia terus unggul sebagai institusi tahfiz kebangsaan yang khusus, berfokus dan berautoriti serta mampu memenuhi keperluan semasa.

Kata beliau, bagi memperkukuh kemampanan Darul Quran, Jakim telah melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya melalui program kolaborasi strategik dengan IPTA dan institusi pengajian tinggi Islam yang diiktiraf.

“Pendekatan ini membolehkan lepasan Darul Quran me-

lanjutkan pengajian ke peringkat ijazah dan pascasiswazah tanpa menjejaskan identiti teras Darul Quran sebagai institusi tahfiz.

“Kerajaan berpandangan pendekatan kolaboratif ini lebih pragmatik, berfasa dan berimpak, selari dengan aspirasi pembangunan pendidikan Islam negara serta memastikan kualiti para pelajar terus terpelihara,” katanya.

Beliau turut memaklumkan, buat masa ini, dasar semasa menetapkan bilangan Universiti Awam telah dioptimumkan dan kementerian lain tidak menubuhkan universiti sendiri.



MARHAMAH